

27/10/1999

Megat Junid, Peguam Negara dituduh pakat

KUALA LUMPUR, Selasa - Mahkamah Tinggi di sini diberitahu bahawa Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob turut terbabit dalam pakatan dengan Peguam Negara untuk mengurangkan cadangan pertuduhan kes rasuah terhadap Datuk Seri Rafidah Aziz.

Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menyambung keterangan membela diri pada hari ketiga hari ini, berkata Megat Junid yang ketika itu Timbalan Menteri Dalam Negeri, berpakat supaya Peguam Negara mempengaruhi badan kehakiman bagi memastikan Rafidah mendapat hukuman ringan.

Anwar yang menamakan Megat Junid sebagai salah seorang ketua komplot memalsukan bukti tuduhan kes liwatnya, berkata dia terus menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebaik mendapat maklumat itu.

"Bila saya dapat maklumat ini, saya terus jumpa Perdana Menteri dan menyatakan langkah Timbalan Menteri berpakat dengan Peguam Negara untuk kurangkan pertuduhan dan kemudian berbincang untuk mempengaruhi hakim.

"Ini adalah kesalahan besar dan akan menjejaskan imej serta kewibawaan Jabatan Peguam Negara dan badan kehakiman," katanya.

Menjawab soalan peguam belanya, Christopher Fernando, apakah tindak balas Perdana Menteri, Anwar berkata: "Perdana Menteri minta bukti dan saya kemukakan salinan surat Datuk Seri Megat sebagai bukti.

"Kita tidak bincang khusus dalam surat itu, yang saya bangkitkan, yang saya anggap buat pertama kali kami bertikam lidah secara serius adalah percubaan pakatan dalam pertuduhan yang membabitkan peranan dan tanggungjawab Peguam Negara.

"Perdana Menteri tidak memandang berat institusi Peguam Negara dan badan kehakiman dipermainkan demikian rupa. Kita bercakap soal kejujuran institusi ini."

Sebelum itu, Hakim Datuk Ariffin Jaka memutuskan kandungan surat Megat Junid kepada Perdana Menteri bertarikh 21 September 1994 berhubung beberapa dakwaan rasuah tidak mempunyai kaitan dengan kes itu.

Katanya, mahkamah hanya membenarkan pembela mengemukakan soalan berhubung surat itu ada dihantar kepada Perdana Menteri dan tidak membenarkan kandungannya dibaca.

Anwar memberitahu mahkamah dia menerima salinan asal surat itu daripada Megat Junid yang dihantar kepadanya menggunakan nama "Pak Sheikh".

Kepada soalan Fernando, Anwar berkata dia ada membangkitkan secara umum tindakan Megat Junid itu pada Persidangan Menteri Undang-Undang Asean; perjumpaan dengan pelajar Malaysia di London dan mesyuarat Kabinet.

Sehubungan itu, katanya, Megat Junid dan pihak yang disebut itu bertambah marah terhadapnya.

Anwar yang berpuasa Rejab kelihatan tenang memberi keterangan dan suaranya tidak meninggi seperti memberi keterangan dalam perbicaraan kes rasuahnya dulu.

Katanya, dia mendapat maklumat pembabitkan Megat Junid dan isteri keduanya, Ziela Jalil dalam pengedaran surat layang memfitnahnya daripada Polis Cawangan Khas.

"Sebaik saja menerima maklumat itu, saya sampaikan kepada Datuk Seri Megat dan beliau berjumpa saya di pejabat dan menegaskan bahawa beliau tidak bermaksud untuk membabitkan diri dalam fitnah.

"Datuk Seri Megat kata cuma ada kemungkinan isterinya, Ziela Jalil turut terbabit. Beliau ada menulis surat menafikan pembabitannya dalam surat layang itu," katanya.

Katanya, hasil siasatan polis mendapati Tun Daim Zainuddin; Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin dan Megat Junid terbabit dalam surat layang itu.

Dia berkata kandungan surat layang itu mengatakan dia terbabit dalam hubungan seks sejenis dengan Azizan Abu Bakar dan hubungan dengan isteri Mohd Azmin Ali, Shamsidar Taharim sehingga melahirkan seorang anak.

Anwar yang mengaku tidak mempunyai sebarang masalah dengan Megat Junid memberitahu mahkamah, mungkin Megat Junid mempunyai masalah dengannya berhubung tindakannya membuat laporan salah laku Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna itu.

"Datuk Seri Megat amat tidak senang bila beliau mendapat tahu saya bangkitkan kes pembunuhan Mustakizah kepada Perdana Menteri," katanya.

Kepada soalan Fernando, adakah Megat Junid tahu Zeila ada menemui Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik bersama Ummi Hafilda Ali dan Azizan, Anwar menjawab: Datuk Seri Megat tahu.

Fernando: Adakah perbualan atau surat menyurat di antara Datuk Seri dengan Datuk Seri Megat mengenai pertemuan Zeila itu?

Anwar: Penjelasan Datuk Seri Megat lebih berkaitan tuduhan pembabitan beliau dan Zeila dalam perkara pengedaran surat layang.

Katanya, Megat Junid ada menulis surat secara tangan berhubung pembabitannya dalam pengedaran surat itu dan menegaskan tidak terbabit dalam konspirasi menjatuhkannya.

"Datuk Seri Megat Junid ada menyatakan pembabitan Zeila dan akibatnya mereka ada perkelahian. Beliau ada memberi nombor telefon Zeila kepada saya untuk mendapat penjelasan.

"Tetapi menurut beliau `perosak' sebenar adalah Ummi Hafilda, ini beliau sahkan kemudian dalam surat beliau kepada saya," katanya.

(END)